

# Samy umum senarai projek RM1.5 bilion

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

**MUAR** 18 Sept. - Kementerian Kerja Raya hari ini mengumumkan sejumlah 39 projek yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) membabitkan kos kira-kira RM1.5 bilion.

Projek yang disenaraikan itu termasuk pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) bernilai RM220 juta, selain projek-projek yang akan diiklankan di akhbar-akhbar utama, Rabu ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, daripada keseluruhan 39 projek itu, 29 adalah projek berkaitan pembinaan jalan dan lebuhraya, satu projek membabitkan pembinaan jambatan manakala selebihnya pembinaan bangunan dan pejabat.

Menurut beliau, kesemua 39 projek itu adalah sebahagian daripada 880 projek diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika membentangkan RMK-9, baru-baru ini.

"Mulai Oktober hingga Disember tahun ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengiklankan sebanyak 20 projek RMK-9 pada setiap bulan di akhbar-akhbar, manakala mulai awal tahun depan, sebanyak 100 projek akan diiklankan untuk ditender," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ai Hwa, Panchor, dekat sini hari ini.

Semalam, Samy Vellu mengumumkan sebanyak 39 projek di bawah pembangunan RMK-9 akan diiklankan oleh kementerian itu di akhbar-akhbar utama.

Beliau berkata, keputusan mengiklankan

UM-19/9/2006  
projek-projek untuk ditender dibuat selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri melalui telefon malam semalam.

Menurutnya, beliau juga telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan Ketua Pengarah JKR menguruskan proses pengiklanan projek-projek tersebut.

Antara projek diumumkan oleh Samy Vellu hari ini ialah pembinaan LPT fasa ketiga membabitkan laluan Kuantan-Chendering, Terengganu; pembinaan jalan baru dari Padang Besar, Perlis ke Bukit Kayu Hitam, Kedah bernilai RM100 juta; pembinaan persimpangan bertingkat Senai, Johor bernilai RM80 juta dan kerja naik taraf jalan persekutuan dari Kapar-Klang, Selangor (RM75 juta).

Menurut Samy Vellu, perkara utama perlu ditangani berikutan pelaksanaan projek-projek tersebut ialah soal pengambilalihan tanah mereka yang terlibat.

# SENARAI 39 PROJEK RMK-9 YANG DIUMUMKAN MENTERI KERJA RAYA, DATUK SERI S. SAMY VELLU.

## KEMENTERIAN KEWANGAN

1. Bangunan LHDN cawangan Melaka bernilai RM24 juta.

## JABATAN PERDANA MENTERI

2. Bangunan Penyimpanan Fail Mahkamah Selayang, Selangor bernilai RM3.5 juta.

## KEMENTERIAN KERJA RAYA

3. Bulatan Sultan Mansur ke Kuala Berang Terengganu, Pakej 4: dari Wakaf Tapai-Kuala Berang Kilometer 26 hingga 38.1, bernilai RM50 juta.
4. Jambatan di atas Sungai Terengganu ke Pulau Sekati, Manir bernilai RM3.84 juta.
5. Projek naik aras Seksyen 108 Kilometer 76, Jalan Jerangau-Jabor laluan 14-JPJ Bukit Besi bernilai RM21 juta.
6. Projek naik aras Seksyen 119 Kilometer 65 Simpang Jalan Lintang laluan 14 Jerangau, Dungun bernilai RM10.52 juta.
7. Menaik taraf persimpangan di Bandar Sultan Sulaiman dan Pintu 2 Northport, Pelabuhan Klang bernilai RM73.5 juta
8. Naik taraf jalan persekutuan FT 5 Kapar-Klang fasa 3 bernilai RM75 juta.
9. naik taraf Jalan Lunas-Kulim, Kedah persimpangan-BKE ke Kelang Lama bernilai RM34 juta.
10. Membina kuarters kakitangan persekutuan JKR Pontian, Johor bernilai RM3 juta.
11. Membina kuarters kakitangan persekutuan JKR Segamat, Johor bernilai RM8 juta.
12. Kuarters Pejabat Daerah Machang, Kelantan bernilai RM2.2 juta.
13. Membina Pejabat Daerah Tanah Merah, Kelantan bernilai RM4 juta.
14. Membina Persimpangan Bertingkat Senai, Johor Bahru (simpang ke Lapangan Terbang Senai) bernilai RM80 juta.
15. Naik taraf Jalan Ulu Tiram-Kota Tinggi empat lorong bernilai RM40 juta.
16. Naik taraf Jalan Tampoi kepada empat lorong, Johor Bahru bernilai RM60 juta.
17. Membina dua persimpangan bertingkat di Jalan Tampoi bernilai RM67.1 juta.
18. Naik taraf jalan persekutuan laluan 142 Simpang Peringgit-Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka bernilai 26.5 juta.
19. Naik taraf jalan dari persimpangan Bunga Chengkeh ke persimpangan Lebu Raya Pantai Timur (LPT) ke Sungai Lembing, Pahang (C04) bernilai RM33 juta.
20. Naik taraf jalan pesisiran pantai dari Kuantan ke Pekan (jalan masuk ke KUKTEM, Pekan) bernilai RM11 juta.
21. Membina jalan Lapangan Terbang Tioman ke Kampung Tekek, Tioman bernilai RM30 juta.
22. Naik taraf Simpang Kuala Dungun laluan 127, Dungun, Terengganu bernilai RM22.5 juta.
23. Membina jambatan baru di Seksyen 392 laluan FT03 (Bukit Kuang-Bakau Tinggi) Kemaman, Terengganu bernilai RM30.4 juta.
24. Jalan Keruak ke Hulu Besut Terengganu (jalan Kampung Keruak Hulu Besut-Kuala Krai, Kelantan) bernilai RM60 juta.
25. Bulatan Sultan Mansur ke Kuala Berang-pakej 3A dari Binjai Rendah ke Wakaf Tapai (kilometer 20 hingga 26) bernilai RM43 juta.
26. Jalan Pintas (By Pass) Kuala Terengganu fasa tiga dan jalan persekutuan bernilai RM60 juta.
27. Baiki Jalan Kota Bahru-Kuala Terengganu Kilometer 10 hingga 20 bernilai RM29 juta.
28. Baiki Jalan Kubang Kerian-Sabak dari persimpangan bertingkat Pasir Hor dan persimpangan Pulau Melaka dan Lapangan Terbang Kuala Kerian bernilai RM50 juta.
29. Baiki Jalan Gua Musang-Jelawang-Jeli bernilai RM50 juta.
30. Jalan Pintas Pasir Mas fasa 1 bernilai RM30 juta.
31. Naik taraf laluan 186 dan Lintasan Kangar, Perlis bernilai RM1 juta.
32. Jalan baru dari Padang Besar, Perlis ke Bukit Kayu Hitam, Kedah bernilai RM100 juta.
33. Jalan pintas pekan Bidor, Perak bernilai RM4.05 juta.
34. Naik taraf jalan persekutuan 149 dan Simpang Ampat ke Tol Bukit Tambun, Perak bernilai RM11.2 juta.
35. Naik taraf jalan persekutuan 150 dan simpang Pa' Boi ke Tol Bukit Tambun bernilai RM18 juta.
36. Mengganti jambatan tidak bernama di Johor Bahru (FT001/039/60) tidak dinyatakan jumlah.
37. Pembinaan kuarters kakitangan persekutuan JKR di pelbagai daerah Terengganu dan satu unit pejabat kecil JKR Kuala Terengganu di Pulau Redang bernilai RM46.8 juta.
38. LPT Pakej 3 bernilai RM220 juta.
39. LPT Pakej 9C bernilai RM86 juta.